



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih dalam tempoh sah laku dan berdaftar dengan PERKESO melalui www.sennego.com bagi melaksanakan perolehan berikut :

TAJUK PEROLEHAN	NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENYEDIAAN VIDEO PROMOSI SKIM KESELAMATAN PEKERJAAN SENDIRI PERKESO 2024 (SKSPS)	KP.PERKESO 31/2024	010104 ATAU 010303 ATAU 010504 ATAU 010501 ATAU 010599 ATAU 010502 ATAU 222007	08/10/2024	14/10/2024, 11:00 AM BILIK MESYUARAT, BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT, TINGKAT 18, MENARA PERKESO, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR	23/10/2024 12:00 tengahari	50.00

- Tawaran ini dilaksanakan melalui Sistem Perolehan PERKESO (SPP). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web www.speed2u.my sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED2U di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
 - Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada PERKESO secara emel atau hadir ke Ibu Pejabat PERKESO untuk mengakses sistem dan memuat turun dokumen dan membeli Dokumen Sebut Harga.
 - Nombor pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat melalui Akaun Maybank 564016400646 atau Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau Cek Persendirian/Syarikat tidak akan diterima.
 - Pembekal dikehendaki melengkapkan Tawaran Sebut Harga dengan mematuhi arahan yang ditetapkan melalui www.sennego.com mulai 14/10/2024 hingga 23/10/2024.
 - Pembekal dikehendaki mengemukakan Dokumen Sebut Harga secara manual (sekiranya perlu) dan melalui atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
 - Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN** (sekiranya ada). Hanya Penama dalam sijil KKM sahaja dibenarkan hadir. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani Penama yang diberi kuasa, jika Penama tidak dapat hadir.
 - PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran Sebut Harga yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan Sebut Harga dan keputusan adalah muktamad.
 - Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **1% (pukal) atau 0.5% (berkala) bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap inbois.**
 - Bagi serahan secara manual, Dokumen Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan dicatitkan No. Rujukan, Tajuk Perolehan dan No. Pin Pembekal di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan seperti alamat dibawah :
- Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Bahagian Perolehan
Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur
- Pada atau sebelum tarikh tutup Sebut Harga jam 12:00 tengahari
- Dokumen Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima.